



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

## **SIARAN MEDIA**

### **SESI TOWNHALL INISIATIF TAHUN 2025 BERSAMA YB MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT**

**PUTRAJAYA, 3 SEPTEMBER** – YB Dato' Sri Hajah Nancy binti Shukri, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat telah menerajui Sesi Townhall Inisiatif Tahun 2025 Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat pada hari ini.

Sesi ini diadakan bagi mendapatkan pandangan, input serta cadangan daripada pemegang taruh termasuk Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) Malaysia yang merangkumi kumpulan wanita, keluarga, kanak-kanak, warga emas, orang kurang upaya (OKU) dalam usaha Kementerian untuk menyediakan inisiatif 2025 yang lebih inklusif selaras dengan Kerangka Ekonomi MADANI: Memperkasakan Rakyat yang telah dibentangkan oleh YAB Perdana Menteri pada 27 Julai 2023.

Antara fokus utama KPWKM bagi tahun 2025 adalah untuk menerajui pengukuhan nilai-nilai keluarga dan masyarakat melalui lima inisiatif utama yang melibatkan pemerkasaan institusi keluarga, pembelaan dan peningkatan profesionalisme wanita, pemantapan dan kesejahteraan komuniti, pembangunan keupayaan dan potensi masyarakat serta pembangunan sektor penjagaan.

Seramai 300 wakil dari pelbagai NGO telah hadir menjayakan sesi ini dan KPWKM mengambil cakna terhadap semua input yang diutarakan bagi manfaat semua kumpulan sasaran serta penambahbaikan perkhidmatan yang disampaikan oleh KPWKM.

Turut serta dalam majlis ini ialah YBhg. Datuk Dr. Maziah binti Che Yusoff, Ketua Setiausaha KPWKM, Pegawai-pegawai Kanan Kementerian dan Agensi.

###

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT**  
**KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT**  
**3 SEPTEMBER 2024**